



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
17 Jun 2019 (ISNIN)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	RUMAH TERBUKA PDTK MERIAH
MUKA SURAT	24

Rumah terbuka PDTK meriah

KLANG – Majlis Sambutan Aidilfitri anjuran Pejabat Daerah dan Tanah Klang (PDTK) meriah dengan kehadiran lebih 1,000 tetamu.

Pegawai Daerah Klang, Mohd Zainal Mohd Nor berkata, tema francais dipilih bagi memberi kelainan kepada tetamu yang memenuhi Dewan Serbaguna PDTK itu.

“Setiap unit dan bahagian akan mengetengahkan makanan yang difrancais dan ada juga berkonsepkan kopitiam.

“Kebanyakan mereka menggunakan kreativiti masing-masing untuk mempromosikan makanan popular di Klang,” katanya pada Majlis Sambutan Aidilfitri PDTK kelmarin.

Menurut beliau, pada sambutan kali ini juga setiap kakitangan mengikut jabatan menghias gerai mereka sambil menyediakan juadah kepada tetamu.

“Lebih lima gerai dengan pelbagai juadah raya disediakan termasuk nasi impit, kuah kacang, sate, laksa, buah-buahan tempatan dan pelbagai jenis

minuman serta kuih-muih,” katanya.

Tambahnya, sambutan rumah terbuka itu juga bertujuan mengeratkan hubungan antara kakitangan dan pelanggan PDTK.

“Inilah peluang kita meraikan Aidilfitri bersama kakitangan, pelanggan dan semua agensi di daerah ini.

“Kita juga gembira apabila Menteri Besar, Aminudin Shari meluangkan masa beramah mesra serta bergambar bersama kakitangan pada jamuan hari ini (kelmarin),” katanya.

Pada majlis sama, Mohd Zainal menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak.



Mohd Zainal (belakang, tujuh dari kanan) bersama sebahagian kakitangan sempena Majlis Sambutan Aidilfitri PDTK kelmarin.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	AMARAN KEPADA PEMILIK KILANG HARAM
MUKA SURAT	24

Amaran kepada pemilik kilang haram

FOTO: SALURAN KOMUNIKASI MPKLANG



KLANG – Majlis Perbandaran Klang (MPK) memberi amaran kepada pemilik kilang plastik haram di daerah ini supaya menutup kilang mereka bagi mengelakkan tindakan undang-undang.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, gesaan itu dibuat berikutan masih ada kilang yang beroperasi terutama di Telok Gong dan Pulau Indah di Pelabuhan Klang.

Menurutnya, MPK akan memulakan operasi membanteras kilang terabit secara besar-besaran minggu depan dalam tempoh tiga bulan.

“Oleh itu saya menasihatkan kepada operator supaya menutup premis sebelum mereka dikenakan kompaun atau dibawa ke mahkamah,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Streetball 3ON3 Challenge 2019, di Galeri Jualan Gravit8 di sini semalam.

Mohamad Yasid memberitahu sebanyak 47 kilang

Mohamad Yasid (empat dari kanan) ketika merasmikan program Streetball 3ON3 Challenge 2019 di Galeri Jualan Gravit8 semalam.

plastik haram direkodkan di Klang dan sembilan daripadanya sudah ditutup manakala satu lagi lagi sudah didakwa di mahkamah.

“Kilang ditutup melibatkan kilang baharu dan kita menghadapi sedikit kesukaran (tindakan) apabila ada sebahagian kilang lama berdaftar di bawah program pemutihan kilang haram.

“Ada yang diberi kebenaran kerana tanah itu ditukar kepada industri namun terdapat banyak masalah menyebabkan ia tidak boleh lagi beroperasi,” katanya.

Tambah beliau satu unit petugas membabitkan Pe-

jabat Tanah dan Daerah, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Air Selangor, polis beberapa jabatan berkaitan ditubuhkan bagi menangani isu ini.

‘Mereka akan membuat pemeriksaan serta mengeluarkan kompaun bagi setiap kesalahan.

“Kompaun dikenakan agak tinggi iaitu RM125,000 termasuk pekerja haram yang membabitkan Jabatan Imigresen,” katanya.

Beliau turut menasihatkan pemilik kilang baharu mengikut peraturan dan MPK bersedia memberi peringangan lebih lanjut pada setiap Jumaat.



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	NO MORE STRAWS IN S'GOR F&B OUTLETS
MUKA SURAT	9

No more straws in S'gor F&B outlets

Implementation of new law takes effect from July 1, says state exco member

SHAH ALAM: All food and beverage outlets including restaurants in Selangor are prohibited from providing plastic straws at the counter to be freely picked up by customers from July 1.

Plastic straws would only be given at the request of the customer for each drink that was ordered, said state Environment, Green Technology, Science and Consumer Affairs Committee chairman Hee Loy Sian.

He said the implementation of the policy on reducing the use of the plastic straws was approved by the state exco on Wednesday.

All local authorities will include the ban in the terms of business licence application when restaur-

rant operators submit new applications or renew their business licence.

"The main objective of this policy is to educate and increase the level of awareness among residents in Selangor on the long-term impact of the use of plastic, particularly plastic straws on health and the environment.

"The implementation of this policy is expected to help the government to control the increasingly significant environmental pollution and encourage recycling or reuse to maintain environmental cleanliness in Selangor," he said.

He explained that the policy was in line with the government's intention to reduce the use of single-use

Hee Loy Sian
The implementation of this policy is expected to help the government to control the increasingly significant environmental pollution ...

“

The state government, through the local councils, would monitor the implementation of the policy and all food and beverage outlet operators were urged to provide cooperation and assistance in order to achieve the objective of reducing the use of plastic in the state, he said.

He said the state government was thankful that many food and beverage outlet operators had already implemented such initiatives to reduce the use of plastic including no longer providing plastic straws to consumers automatically.

"In fact, there are also food, beverage and restaurant premises using paper or bamboo straws and distributing free stainless steel straws to the public and so on," he said.

"Therefore, the public are also encouraged to bring their own reusable drink containers and straws."

Hee said the state government would always step up efforts to ensure that Selangor become a cleaner, beautiful, green and environmentally friendly state.

He also encouraged the public to give suggestions and views on the implementation of the campaign and policy regarding plastic use to any department and government agency besides contacting the exco office for the purpose.

"Every proposal or opinion will be given consideration and studied so that this government's campaign or policy will be successful," he said.
— Bernama

plastics such as plastic bags, polystyrene, coverings or plastic food coatings, disposable plastic materials and so on.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	FACTORY CARRIES ON ACTIVITIES DESPITE SHUTDOWN ORDER
MUKA SURAT	4

Story and photos by GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

BATU 2 residents in Sepang are concerned that a plastic processing factory in the area has not been shut down yet despite Sepang Municipal Council (MPSepang) revoking its licence.

Sepang and Sungai Pelek Federation of Temple Associations and Organisations chairman Joshua Tee, who visited the site recently, claimed that instead of winding down operations, the factory workers were in the midst of constructing and installing filtration ponds and effluent treatment equipment.

Tee said this showed that the factory operator was planning to continue operations, something the area's residents are not happy with.

"We do not want the plastic processing factory here. Considering it has flouted the law by operating illegally for the past one year, residents are no longer confident that it will fully comply with environmental laws and council regulations. We worry that the factory operators may cut corners and endanger public health," he added.

Although there was no trace of a disturbing burning smell in the air that day, Tee felt that the threat of air pollution was still real.

He said the factory supervisor told him that they had halted operations to fix the factory's ventilation.

Sungai Pelek assemblyman Ronnie Liu, who is assisting the residents on the issue, said there was no more room for compromises.

"Whatever foreign plastic rubbish that has come here must be sent back to its port of origin, as we do not have the technology to deal with it yet."

"Until a safe way can be found to process plastic waste, the ban on its imports should remain," said Liu.

Speaking on condition of anonymity, a consultant said the factory management had invested more than RM120,000 on equipment alone to comply with guidelines set by the Environment Department (DOE).

Appealing for time to complete the installation and construction works, the consultant said the residents, authorities and

Factory carries on activities despite shutdown order

DOE approves appeal, but residents feel pollution risk still real



Filtration ponds under construction at the plastic processing factory in Batu 2, Sepang.



A retention pond to contain wastewater at the factory.

members of the media would be invited to tour the factory once everything was ready.

MPSepang deputy president Muhammad Hafiz Shaari had, during the full board meeting last month, said the plastic factory in Batu 2 must be shut down to send a strong message against environmental pollution.

The council had shut it down twice before, once last July and again this March. However, the factory operator applied to DOE to be legalised. The department then requested MPSepang to give the factory a six-month licence to enable the operator to prepare an Environmental Impact

Assessment (EIA) report. The licence was issued in April.

Selangor local government, public transport and new village development committee chairman Ng Sze Han said as a responsible government, it had to follow the rule of law.

"The factory must comply with DOE requirements if it wants to continue operating.

"At the same time, local councils must also consider the overall impact on the community and environment when issuing business licences," he said.

When contacted, Selangor DOE director

Shafee'e Yasin said the factory operator had appealed at the DOE headquarters in Putrajaya and was successful in obtaining approval to test its control equipment in preparation for the EIA report.

"They are now in the period of undergoing test runs to provide real data for smoke and emission readings," said Shafee'e.

He added that the factory's appeal was approved because it had complied with conditions in the plastic import permit stipulated by the National Solid Waste Management Department, which states that they must be clean and are of the same kind.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	SELANGOR RECORDS LARGEST INVESTMENTS IN STATE'S HISTORY, SAYS MB
MUKA SURAT	4

Selangor records largest investments in state's history, says MB

SELANGOR recorded its largest inflow of local and foreign investments in the state's history - posting a 238% increase over the investment value recorded in 2017.

"This the largest investment recorded in Selangor's history," Menteri Besar Amirudin Shari said.

"The investments totalled RM18.947bil over the RM5.592bil recorded in 2017," he said of the figure obtained as of June 7.

He said the state also recorded a revenue

collection of RM1.214bil, an increase of 13.79% compared with the same period last year.

"With this healthy and encouraging development, it shows that the state is on track to achieve the target set in Budget 2019," Amirudin said in his speech during the Selangor Aidilfitri Open House in Section 13, Shah Alam.

The event was attended by Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah and

Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin, Economic Affairs Minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali and state executive councillors.

Amirudin said as menteri besar, he would ensure that the welfare of the people was safeguarded and given priority as decreed by Sultan Sharafuddin.

Meanwhile, he said the state government would work towards curbing gutter politics which could threaten harmony in Selangor.

Amirudin stressed that this was necessary to fulfil Selangor's goals of becoming a smart state through good values.

He said the ruler had issued a decree on May 29 for the Malays to avoid negative attitudes.

He said the sultan had reminded the people of Selangor, especially the Malays, that slanderous exchanges between parties and jealousy, betrayal and hatred could be construed as part of the Malay culture. — Bernama



AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	PLASTIC STRAWS BANNED IN SELANGOR
MUKA SURAT	12

PLASTIC-FREE CAMPAIGN

PLASTIC STRAWS BANNED IN SELANGOR

New rule to be implemented from July 1, says state exco member

SIRAJ MOHD ZAINI
SHAH ALAM
news@nst.com.my

FROM July 1, all restaurants, eateries and food operators in Selangor will be barred from providing plastic straws to their customers.

State Environment, Green Technology and Consumer Committee chairman Hee Loy Sian said the decision was made unanimously by the state executive council recently.

He said restaurants and eateries would be barred from providing plastic straws at the counters.

"This condition will be includ-

ed in local authorities' business licence application requirements, for both first-time applicants as well as those seeking to renew their licences."

Hee said the policy was in line with the state's ongoing plastic-free campaign, which aimed to reduce the use of single-use plastic bags, polystyrene containers, plastic covers and disposable plastic material.

The policy's objective is to educate and boost awareness among the people on the long-term effects of single-use plastic, especially plastic straws, on health and the environment.

In addition, this policy is expected to help the government tackle environmental pollution, which is becoming more serious, as well as promote recycling."

He said local authorities would monitor the implementation of the policy periodically to ensure its effectiveness.



He said food operators had been urged to cooperate to ensure that the mission of reducing plastic waste was achieved.

The state government is thankful to some food operators, who have taken the initiative to adopt the move ahead of the directive.

"We encourage the public to share their views on the cam-

The ban on plastic straws is in line with Selangor's plastic-free campaign, says state Environment, Green Technology and Consumer Committee chairman Hee Loy Sian (inset).
FILE PIC

paign. They can share them with state departments and agencies or the exco's office.

"Each suggestion will be taken into account and given due consideration so that the campaign is a success."




KERATAN AKHBAR 17 JUN 2019 (ISNIN)



AKHBAR	KOSMO
TAJUK BERITA	PERHILITAN PANTAU KEMUNCULAN BUAYA DI SUNGAI RENGHAM
MUKA SURAT	6

Perhilitan pantau kemunculan buaya di Sungai Renggam *kosmo - m/s-6*



LIBAT seekor buaya yang dikatakan muncul di kawasan sekitar itu kunci air Sungai Renggam di Seksyen 17, Shah Alam kelmarin.

SHAH ALAM - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri Selangor sedang memantau kawasan sekitar pintu kunci air Sungai Renggam di Seksyen 17, di sini selepas penduduk mendakwa terlihat kelibat buaya petang kelmarin.

Pengarah Perhilitan Selangor, Haidar Khan Mokbolhassan berkata, pihaknya telah menerima satu aduan daripada penduduk melalui talian hotline jabatan tersebut kira-kira pukul 2 petang semalam.

"Aduan rasmi telah dibuat penduduk kira-kira pukul 2 petang tadi (semalam). Bagaimanapun, info awal berkaitan reptilia itu telah kita perolehi melalui Facebook komuniti setempat sejak petang semalam (kelmarin).

"Saya telah mengarahkan anggota dan pegawai untuk memantau kawasan berkenaan sejak semalam. Namun, semasa pemantauan dilakukan, kelibat reptilia itu tidak kelihatan," katanya ketika dihubungi *Kosmo*.

Jelas Haidar Khan, walaupun masih tidak dapat mengesahkan reptilia tersebut, pihaknya akan terus memantau kawasan berkenaan dari semasa ke semasa.

Setakat ini katanya, anggota dan pegawai hanya membuat pemantauan secara berkala dan jika perlu ada keperluan, perangkap akan dipasang bagi menangkap buaya tersebut.

Jelas beliau lagi, kemunculan buaya di sekitar kawasan berkenaan bukan kali pertama dilaporkan memandangkan sungai berkenaan terletak bersebelahan dengan Sungai Klang yang hanya dipisahkan dengan kunci air.

Justeru katanya, orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati di sekitar kawasan tersebut kerana reptilia terbabit boleh muncul pada bila-bila masa.

"Ingin saya ingatkan juga kepada penduduk setempat supaya tidak mengambil tindakan sendiri jika terlihat buaya di kawasan berkenaan atau di mana-mana kawasan, sebaliknya terus melaporkan perkara itu kepada pihak kami.

"Sebarang aduan orang ramai boleh disalurkan terus ke talian jabatan itu 03-9086 6800 atau Hotline Perhilitan di talian 1-800-88-5151," katanya.



AKHBAR	KOSMO
TAJUK BERITA	SELANGOR IKHTIAR FORMULA BAHRU
MUKA SURAT	54

Selangor ikhtiar formula baharu

Oleh MOHAMAD FIRDAUS ABDULLAH

MENTERI Besar Selangor, Amirudin Shari tidak menolak kemungkinan kelab Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS FC) atau Selangor United akan dijadikan sebagai 'feeder club' (kelab sokongan) kepada Selangor selepas proses perbincangan yang dijalankan telah berada pada fasa terakhir.

Jelasnya, kata putus akan diberikan dalam tempoh dua bulan ini selepas beliau melakukan perbincangan bersama Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah, Presiden PKNS FC, Siti Zubaidah Abd. Jabar dan Presiden Selangor United, Firdaus Mohamed.

Amirudin yang juga mem-



AMIRUDIN (tengah) percaya kewujudkan 'feeder club' mampu memberi manfaat untuk bola sepak di Selangor dan ia bakal diputuskan dalam tempoh sebulan dua ini.

KOSMO - M/S - 54

gang portfolio Exco Generasi Muda dan Sukan Selangor mem-

beritahu, penyelarasan pasukan perlu dilakukan untuk memberi-

kan manfaat kepada semua.

"Pelbagai formula masih dibincangkan kerana banyak perkara kita telah mulakan sejak tahun lalu. Kita akan putuskan dalam bulan ini atau bulan depan dan selepas selesai liga kita akan umumkan pendekatan baharu."

"Sebelum liga bermula lagi saya sudah meminta untuk kita selaraskan kerana saya merasakan ia bakal memberikan manfaat kepada semua."

"Tidak semestinya PKNS FC tetapi Selangor United juga boleh menjadi pasukan 'feeder', namun semuanya kita akan pertimbangkan selepas ini."

"Bagi mencari kata putus, kita perlu melihat daripada pelbagai faktor terutamanya kekuatan penyokong."

"Sebagai contoh, PKNS FC mampu mengeluarkan berbelas juta saban tahun tetapi keha-

diran penyokongnya tidak lebih 100 orang, manakala Selangor pula mempunyai 5,000 ke 6,000 penyokong tetapi setiap perlawanan tetapi FAS mempunyai masalah kewangan."

"Jadi, apa salahnya kita satukan, namun perlu mempunyai keterbukaan daripada semua pihak. Semuanya telah bermula sejak tahun lalu dan kini hanya berada pada fasa terakhir sebelum segalanya diputuskan," katanya ketika ditemui pada jamuan Aidilfitri Selangor United di Kuala Lumpur semalam.

Sementara itu, Amirudin menjelaskan, penyelarasan yang bakal digunakan kemungkinan tidak sama seperti apa yang telah digunakan oleh Johor Darul Ta'zim (JDT) atau Terengganu FC (TFC) dalam saingan Liga Malaysia ketika ini.



AKHBAR	KOSMO
TAJUK BERITA	LARANGAN GUNA PENYEDUT MINUMAN
MUKA SURAT	6

Pelaksanaan akan berkuat kuasa 1 Julai ini di semua premis makanan di Selangor

Larangan guna penyedut minuman

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

SHAH ALAM – Kerajaan negeri Selangor akan melaksanakan dasar melarang penggunaan penyedut minuman plastik di semua premis makanan di negeri ini kepada pelangganan berkuat kuasa 1 Julai ini.

Pengerusi Loy Sian Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian berkata, keputusan tersebut telah dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang ber sidang pada 12 Jun lalu.



Beliau berkata, penyedut minuman plastik itu juga dilarang untuk disediakan di kaunter untuk diambil secara bebas oleh pelanggan, sebaliknya hanya akan diberikan atas permintaan pelanggan.

"Setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) akan mewujudkan syarat ini dalam permoholesan

lesen perniagaan semasa pengusaha mengemukakan permohonan baharu atau membaikulai lesen perniagaan masing-masing.

"Dasar ini adalah selaras dengan Kempen Bebas



LARANGAN penggunaan penyedut minuman plastik di seluruh negeri Selangor akan berkuasa 1 Julai ini. – Gambar hiasan

Plastik yang sedang dijalankan di negeri Selangor dan selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna seperti beg plastik, polistirena, penutup atau pelapis makanan plastik dan bahan plastik pakai buang" katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Jelas Loy Sian, antara

objektif utama dasar itu adalah untuk mendidik dan meningkatkan tahap kesedaran penduduk berhubung kesan jangka panjang penggunaan plastik sekali guna khususnya penyedut minuman plastik terhadap kesihatan dan alam sekitar.

"Di samping itu, pelaksanaan dasar ini dijangka akan dapat membantu kerajaan mengawal masalah pencemaran alam sekitar yang semakin ketara dan menggalakkan usaha kitar semula," katanya.

Tambah beliau, PBT akan memantau pelaksanaannya dari semasa ke semasa bagi memastikan keberkesanannya. "Orang ramai juga digalakkan untuk memberi cadangan dan pendapat berhubung pelaksanaan kempen dan dasar ini kepada jabatan atau agensi kerajaan serta menghubungi pejabat Exco untuk tujuan itu," katanya.

Sian berkata, pengusaha premis makanan dan minuman atau restoran digesa memberikan kerjasama serta bantuan supaya objektif pengurangan penggunaan plastik tercapai.

Menurutnya, kerajaan negeri berasa amat bangga dan bertirima kasih kerana terdapat ramai pengusaha premis makanan, minuman atau restoran yang sudah mengambil inisiatif dan langkah ke depan daripada kerajaan.

"Orang ramai juga digalakkan untuk memberi cadangan dan pendapat berhubung pelaksanaan kempen dan dasar ini kepada jabatan atau agensi kerajaan serta menghubungi pejabat Exco untuk tujuan itu," katanya.



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	KELIBAT SANG BEDAL
MUKA SURAT	3

Kelibat sang bedal

■ Penduduk nampak buaya di pintu kunci air Sungai Renggam

Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my

H. METRO
Shah Alam
m/s-3

Penduduk Seksyen 17 di sini, dikejutkan dengan kelibat buaya di pintu kunci air Sungai Renggam di sini, semalam.

Reptilia berkenaan dirakam orang awam yang berada di sekitar tempat kejadian dan ia turut tular di media sosial.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor, Haidar Khan Mokbol-hasan berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kehadiran buaya berkenaan menerusi talian *hotline*, jam 2 petang semalam.

"Aduan rasmii dibuat penduduk bagaimanapun maklumat awal berkaitan reptilia itu kami peroleh melalui laman Facebook (FB) komuniti setempat.

"Saya arahkan anggota dan pegawai memantau kawasan berkenaan sejurus aduan diterima, namun ketika anggota berada di sana,

haiwan berkenaan tidak muncul," katanya.

Haidar Khan berkata, pihaknya terus menjalankan pemantauan hingga mengesan buaya berkenaan.

"Setakat ini anggota dan pegawai membuat pemantauan berkala. Jika perlu kami pasang perangkap," katanya.

Katanya, kemunculan buaya di sekitar kawasan itu bukan kejadian pertama memandangkan sungai berkenaan berada bersebelahan Sungai Klang yang terpisah dengan kunci air.

Berikutnya itu, Haidar Khan berkata, orang ramai dinasihatkan berhati-hati di sekitar kawasan itu kerana reptilia berkenaan boleh muncul bila-bila masa.

"Penduduk setempat diingatkan supaya tidak mengambil tindakan sendiri jika nampak buaya di kawasan berkenaan atau di mana-mana kawasan, terus lapor perkara itu kepada kami.

"Sebarang aduan boleh disalurkan ke talian 03-9086 6800 atau Hotline Perhilitan di talian 1-800-88-5151," katanya.

FAKTA
Perhilitan sedia
memasang
perangkap jika perlu



KERATAN AKHBAR 17 JUN 2019 (ISNIN)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	GEMPUR KILANG PROSES PLASTIK HARAM
MUKA SURAT	3

Kilang memproses plastik haram yang beroperasi di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK) digempur besar-besaran bermula minggu depan.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, operasi dilaksanakan bagi tempoh tiga bulan berturut-turut.

Menurutnya, amaran tegas diberi kepada pemilik kilang haram itu untuk menutup serta-merta premis sebelum operasi dijalankan.

"Bermula minggu depan, MPK bersama agensi berkaitan mengambil tindakan

Klang

H. Metro - m/s-3

Gempur kilang proses plastik haram

kan tegas terhadap kilang berkenaan.

"Saya nasihatkan pemilik menutup kilang sebelum kami membawa kes ini ke mahkamah," katanya selepas merasmikan program *Streetball 3ON3 Challenge 2019* di Galeri Jualan Gravit8 di sini, semalam.

Mohamad Yasid berkata, pihaknya merekodkan 47 kilang memproses plastik haram di daerah itu dan sembilan kilang ditutup manakala satu didakwa ke mahkamah.

Katanya, satu pasukan khas diwujudkan membabitkan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Air Selangor, polis serta jabatan lain yang berkaitan.

"MPK juga menubuhkan unit khas penguatkuasaan pelesenan kilang. Unit ini memeriksa dari kilang ke kilang dan mengeluarkan kompaun bagi setiap kesalahan.

"Kompaun dikenakan sangat tinggi termasuk pekerja haram yang memba-



MOHAMAD Yasid

bitkan Jabatan Imigresen," katanya.

Katanya, Pulau Indah dan Telok Gong antara kawasan tumpuan kilang memproses plastik haram itu beroperasi.



KERATAN AKHBAR 17 JUN 2019 (ISNIN)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	LARANGAN STRAW PLASTIK 1 JULAI
MUKA SURAT	31

Shah Alam H-METRO
M/S-31
**Larangan straw
plastik 1 Julai**

Semua premis makanan di Selangor dilarang menyediakan penyedut minuman plastik kepada pelanggan berkuat kuasa 1 Julai depan.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian berkata, keputusan itu sebulat suara dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), baru-baru ini.

Menurutnya, premis juga dilarang menyediakan penyedut minuman plastik di kaunter untuk diambil pelanggan.

“Setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) akan meletakkan syarat ini dalam permohonan lesen perniagaan baharu atau membaharui lesen perniagaan masing-masing,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Hee berkata, dasar itu selaras dengan Kempen Bebas Plastik yang dijalankan untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna (*single-use plastics*) seperti beg plastik, polistirena, penutup/pelapis makanan plastik dan bahan plastik pakai buang.



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	SELANGOR IKUT JEJAK JDT,TFC
MUKA SURAT	78

H.Metro - m/s-78

Kuala Lumpur: Selangor mungkin mengikut jejak Johor Darul Ta'zim (JDT) dan Terengganu FC (TFC) dengan menjadikan pasukan di bawah naungan Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) sebagai 'feeder club' pada masa akan datang.

Ia sekali gus bermakna, skuad Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS FC) atau Selangor United bakal bertindak sebagai 'feeder club' dan perbincangan mengenainya sudah memasuki fasa terakhir.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, keputusan itu akan diputuskan selewat-lewatnya bulan depan selepas mengadakan perbincangan bersama presiden FAS, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin, Presiden PKNS FC, Siti Zubaidah Abd Jabar dan Presiden Selangor United, Firdaus Mohamed.

Amirudin memberitahu, penyelarasan pasukan perlu dilakukan untuk memberi manfaat kepada semua pihak.

"Pelbagai formula masih dibincangkan kerana banyak perkara yang kita mulakan sejak tahun lalu. Kita akan putuskan dalam bulan ini atau bulan depan. Mungkin tahun depan kita akan laksanakan dan selepas selesai liga kita akan umumkan pendekatan baharu."

"Sebelum liga bermula



AKSI pemain Selangor selepas berjaya benam Kuala Lumpur, kelmarin.

Selangor ikut jejak JDT, TFC?

lagi saya sudah meminta untuk kita selaraskan kerana saya merasakan ia bakal memberikan manfaat kepada semua. Tidak semestinya PKNS FC tetapi Selangor United juga boleh menjadi 'feeder club', namun semuanya kita akan pertimbangkan.

"Bagi memutuskannya, kita perlu melihat pelbagai faktor terutamanya keku-

tan penyokong. Sebagai contoh, PKNS FC mampu mengeluarkan berbelas juta sa-ban tahun tetapi kehadiran penyokongnya tidak lebih 100 orang manakala Selangor pula mempunyai 5,000 ke 6,000 penyokong tetapi te-tapi FAS masih mempunyai masalah," katanya ketika di-temui pada Majlis Rumah Terbuka Selangor United, semalam.

Sementara itu, Amirudin menjelaskan, penyelarasan yang bakal digunakan mungkin tidak sama seperti apa yang dilakukan JDT atau TFC dalam saingan Liga Ma-laysia ketika ini.

"Formulanya mungkin ti-dak sama kerana kaedah yang kita akan gunakan ad-a-lah untuk menjamin pasu-kan mempunyai pemain yang cukup," katanya.